

RM80 juta untuk bina kompleks baharu di Usim

SEREMBAN – Sebanyak RM80 juta diperuntukkan bagi pembinaan kompleks Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) di kampus tetap Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) di Nilai.

Penolong Pendaftar Unit Pengurusan Acara dan Protokol Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) Usim, Mohd Zaini Othman berkata, pembinaan kompleks tersebut bermula tahun hadapan dan dijangka siap menjelang 2018.

"Tidak lama lagi fakulti berkenaan akan ditempatkan di negeri ini selepas pembinaan kompleks itu siap kerana sebelum ini ia beroperasi di Pandan Indah, Kuala Lumpur," katanya.

Menurutnya, dengan pembinaan kompleks berkenaan memberi satu khabar berita gembira bagi pihaknya bersempena dengan 10 tahun penubuhan FPSK.

"Sejak penubuhannya pada 2004, FPSK dianugerahkan pelbagai pencapaian termasuk memperolehi pencapaian tiga dari empat bintang D-SETARA 2011 yang dikeluarkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)," katanya,

Selain itu, katanya, menjelang tahun depan, satu projek pembinaan Hospital Pengajaran Usim akan bermula dan dijangka siap pada 2019.

"Ia membabitkan kos sebanyak RM 500 juta," katanya.